



Diocese of Keningau

P. O. BOX 256, 89008 KENINGAU, SABAH, MALAYSIA
PHONE: (60-87) 332 935
FAX: (60-87) 331 411

PESAN SEMPENA MINGGU KATEKETIKAL 2014

Menjadi seorang murid Yesus tidak mudah! Memang tidak pernah mudah, kerana Yesus sendiri menuntut “sesiapa yang hendak mengikut Aku harus melupakan kepentingan sendiri, memikul salib tiap-tiap hari dan mengikut Aku” (Luk.9:23). Namun Yesus telah berjanji bahawa Dia akan menyertai murid-murid-Nya sampai akhir zaman (Mat. 28:20)

Tema Hari Minggu Kateketikal pada tahun 2014 yang kita rayakan pada 21 September ini adalah, **“tabahkanlah hati kamu, kerana Aku sudah mengalahkan dunia!”** (Yoh. 16:33b)

Memang menjadi satu kenyataan bahawa dalam perjalanan iman banyak cabaran akan kita hadapi yang boleh menakutkan kita selaku murid-murid Yesus. Di Malaysia berbagai ancaman dan tekanan secara terang-terangan mahupun secara senyap-senyap dan halus sedang kita alami. Apakah langkah yang perlu kita ambil untuk mengukuh dan memantapkan Iman Kristiani kita?

Pertama-tama, kita perlu sedari dan usahakan supaya iman Kristiani kita dibangunkan diatas relasi yang akrab dengan peribadi Yesus Kristus (Yoh.15:4-5; Kol. 2:6-7). Kedua, iman Kristiani kita perlu sentiasa dikuasai dan didampingi oleh kuasa Roh Kudus kerana Dialah yang diutus untuk menolong, mengajar dan mengingatkan kita akan ajaran-ajaran Yesus” (Yoh. 14:26). Ketiga, iman Kristiani kita perlu mendapat kekuatan oleh semangat kekitaan dari hidup berk komuniti, (Kis.2:41-47).

Tugas dan tanggungjawab kita para katekis pembimbing dan ibu bapa didalam membawa Yesus dikenali, dikasihi dan dilayani perlulah berpandu dan berasas kepada tiga asas pembentukan iman yang saya katakana di atas. Yesus telah memberi jaminan yang begitu jelas, maka marilah kita percaya dan yakin kepada pesan-Nya yang hidup ini. Apapun yang kita dengar, lihat dan alami yang menakutkan, yakinlah bahawa Dia “sudah mengalahkan dunia”

Terima kasih kepada Fr. John Anandan atas refleksi Minggu Kateketikal 2014 ini.

Selamat menyambut Minggu Kateketikal.

+Bishop Datuk Cornelius Piong
President
Malaysian Catechetical Commission